



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

KENYATAAN SEBUT HARGA KHAS UNTUK BUMIPUTERA

Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor yang mempunyai **Sijil Kementerian Kewangan Malaysia mengikut kod bidang yang berkaitan serta bertaraf Bumiputera** yang masih sah tempohnya dibenarkan menyertai sebut harga berikut:-

No. Sebut harga	Perihal Kerja	Harga Dokumen/ Tarikh Mula Dijual	Syarat Pendaftaran
MBJB/SH/ 20/2024	<p>Membekal dan menghantar vaksin Anti-Typhoid untuk pengendali makanan di Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan</p> <p>Tarikh Iklan : 2.4.2024 Tarikh Taklimat/ Lawatan Tapak : 8.4.2024 (Isnin) Tempat : Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan, Aras 4, Bangunan JOTIC, Jalan Ayer Molek, Majlis Bandaraya Johor Bahru</p> <p>Masa : 9.30 pagi Tarikh Tutup : 17.4.2024 (Rabu) S/harga (Tepat 12.00 tengahari) No.Fail : MBJB/U/2024/18/KLL/1</p> <p>*PENDAFTARAN TAKLIMAT ADALAH DIWAJIBKAN*</p>	<p>RM 50.00</p> <p>8.4.2024 hingga 15.4.2024</p> <p>(Rujuk Perenggan 4)</p>	<p>Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) Kod Bidang : 050201 (Ubat dan Bahan Ubatan)</p> <p>HANYA PENAMA DALAM SIJIL KKM Dibenarkan Mendaftar Kehadiran Taklimat</p>

<p>MBJB/SH/ 21/2024</p>	<p>Perkhidmatan penyediaan penyewaan Data Web Services Mysikap, Jabatan Pengangkutan Jalan bagi tempoh 63 bulan</p> <p>Tarikh Iklan : 2.4.2024 Tarikh Taklimat/ Lawatan Tapak : 8.4.2024 (Isnin) Tempat : Bahagian Teknologi Maklumat, Jabatan Khidmat Pengurusan, Aras 4, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru.</p> <p>Masa : 9.30 pagi Tarikh Tutup : 17.4.2024 (Rabu) S/harga (Tepat 12.00 tengahari) No.Fail : MBJB/U/2023/07/PKH/2</p> <p>*PENDAFTARAN TAKLIMAT ADALAH DIWAJIBKAN*</p>	<p>RM 50.00</p> <p>8.4.2024 hingga 15.4.2024</p> <p>(Rujuk Perenggan 4)</p>	<p>Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) Kod Bidang : 210103 (Software-supply all computer software, operating system, database, off the shelf packages including maintenance) DAN Gateway provider mySIKAP JPJ)</p> <p>HANYA PENAMA DALAM SIJIL KKM Dibenarkan Mendaftar Kehadiran Taklimat</p>
-----------------------------	--	--	---

2. Penyebut harga yang berminat untuk menyertai tawaran ini adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat bersemuka di pejabat Bahagian yang terlibat pada tarikh dan tempat sebagaimana yang ditetapkan di atas. Penyebut harga diwajibkan untuk mendaftar syarikat di sistem iPerolehan MBJB melalui laman sesawang <https://apl.mbjb.gov.my/iperolehan> sebelum hari taklimat bagi memudahkan urusan pendaftaran kehadiran taklimat. Sila abaikan jika telah berdaftar dan kemaskini maklumat syarikat sekiranya terdapat perubahan maklumat. **PENYEBUTHARGA (PENAMA DI DALAM LESEN) SAHAJA dibenarkan hadir ke taklimat** di pejabat dan lawatan tapak dan ianya **TIDAK BOLEH DIWAKILKAN**. Sila bawa bersama **Sijil - Sijil ASAL** semasa hadir taklimat sebutharga sebagaimana berikut :-


2.1 : Sijil Pendaftaran Syarikat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

2.2 : Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) & Taraf Bumiputera (Jika Berkaitan)

3. Penjualan dan pembelian dokumen sebut harga dijalankan secara atas talian sahaja (Sila rujuk manual pembelian di ruangan Pembelian Dokumen pada Sistem iPerolehan,). Hanya syarikat yang **disahkan** untuk perolehan tersebut sahaja yang layak membeli dokumen. Syarikat yang berdaftar perlu menyemak status kehadiran taklimat sebelum meneruskan pembelian. Pembelian hendaklah dilakukan di sistem iPerolehan MBJB dan bayaran perlu dilakukan menggunakan sistem **PBTPay** (<https://pbtpay.kpkt.gov.my/>), sistem **eKhidmat** (<http://johor.ekhidmat.my/ekhidmat/>) atau di kiosk MBJB sahaja. Sila rujuk sistem **iPerolehan MBJB** bagi penjualan tersebut.
4. Dokumen Sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta bertulis No. Sebut harga dan Perihal Kerja di sudut atas sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Aras 6, Menara MBJB, sebelum jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup seperti yang tertera pada jadual di atas. Dokumen boleh dihantar secara serahan tangan atau melalui pos berdaftar/ kurier.

5. Dokumen sebut harga yang dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/ kurier hendaklah dialamatkan ke **Peti Tawaran, Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Aras 6, Menara MJB, No. 1, Jalan Lingkaran Dalam, Bukit Senyum, 80300 Johor Bahru, Johor** untuk dimasukkan ke dalam Peti tawaran **sebelum pukul 12.00 tengahari** pada tarikh tutup yang ditetapkan di atas. Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang ditetapkan seperti diatas sebelum atau pada Tarikh Tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan dan pihak majlis tidak bertanggungjawab diatas kelewatan penghantaran oleh mana-mana pihak.
6. Majlis tidak terikat samada menerima Sebut harga yang terendah harganya atau sebarang tawaran lain

Sekian, dimaklumkan.



(HAJI MISWAN BIN YUNUS)
Setiausaha,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.